

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



1 Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bersalaman dengan jemaah dan orang ramai selepas menuaikan solat Aidiladha di Masjid Al Aisyah, Jalan Padang Matsirat, Langkawi.

2 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah diiringi Tengku Permaisuri Norashikin ketika berangkat pulang selepas menuaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam.

3 Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah meluangkan masa bersalaman dengan jemaah selepas menuaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Sultan Azlan Shah di INTIM, Jalan Raja Muda Musa Mahadi, Ipoh.

4 Kaum wanita bergotong-royong memotong daging lembu pada majlis korban di Surau Taman Sutera, Perlis, Johor Bahru.

Semangat pengorbanan, kesyukuran rai Aidiladha

② Umat Islam seluruh negara sambut Hari Raya Korban dalam kesederhanaan

■ Kuala Lumpur

Umat Islam di seluruh negara menyambut Aidiladha dalam kesederhanaan, namun meriah dengan penuh rasa kesyukuran serta semangat pengorbanan.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haja Haminah berangkat menuaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Aishah, Kampung Sungai Menghulu, Langkawi.

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua pada kira-kira 8.30 pagi disambut Pegawai Daerah dan Tanah Langkawi Isahak Murat, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuah Nor Saidi Nanyan serta pegawai kanan ke-

rajaan dan masyarakat setempat di pulau pelancongan itu.

Di Shah Alam, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berangkat menuaikan solat di Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Raja Muda Musa Mahadi, di sini.

Turut berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Di Ipoh, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berangkat menuaikan solat di Masjid Sultan Azlan Shah, Jalan Raja Muda Musa Mahadi, di sini.

Ketibaan baginda disambut Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan.



Fakta nombor

13,000
JEMAAH

menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negara

RM14,000
SEEKOR

antara lembu termahal baka Charolais untuk dijadikan korban

RM600 SATU
BAHAGIAN

lembu untuk ibadah korban 2016

Untuk video
lari www.bharian.com.my

Lagi gambar sekitar Aidiladha –
Dunia MS. 35

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

[FOTO L MANIMARAN/BH]



[FOTO MUHD ZAARA ZAKERIA/BH]



[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]



[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]



[FOTO NADIM BOHKARI/BH]



[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]



[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]



[FOTO 6]

5 **Sukarelawan menangkap lembu yang terlepas daripada ikatan ketika ibadah korban di Masjid Khalid Al-Walid, Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Kuala Lumpur, semalam.**

6 **Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof (tengah) bersama penduduk sekitar Taman Sukma, melapah daging korban di Petra Jaya Kuching, semalam.**

7 **Ketua Pegawai Eksekutif The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datuk Mohammad Azlan Abdullah (dua dari kiri) bersama Pengurusan Badan Khairat NSTP, Datuk Mustapa Omar (kiri) menyampaikan daging korban pada Majlis Ibadah Korban NSTP 2016 di Balai Berita Bangsar, semalam.**

8 **Penduduk Bukit Padang bergotong-royong melapah daging korban di Masjid Nurul Hikmah, Bukit Padang, Kota Kinabalu.**

9 **Kariah masjid memotong daging korban untuk diagihkan kepada penduduk serta golongan kurang berkemampuan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Shah Alam.**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pembinaan 8 banglo tak ikut peraturan ditetap EIA

➔ Projek didakwa di kawasan lebih 50 darjah kecerunan

Oleh Ahmad Johari
 Mohd Ali, Faris Fuad dan
 Mohd Zulkifli Zainuddin

bhnews@bh.com.my
 ▶ Kuala Lumpur

Projek pembinaan lapan banglo di Taman Cuepacs (Fasa 1), Cheras, yang dibantah penduduk setempat, tidak sepatutnya diluluskan kerana terletak di kawasan yang mempunyai lebih 50 darjah kecerunan.

Mengikut peraturan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), kawasan yang mempunyai lebih 50 darjah kecerunan tidak boleh dilaksanakan pembangunan kerana akan menyebabkan struktur tanah tidak stabil.

Bina di kawasan berbahaya
 Pakar Alam Sekitar, Amlir Ayat, berkata berdasarkan maklumat daripada penduduk yang membantah projek itu, banglo berkenaan dibina di kawasan berbahaya.

Katanya, jika dibenarkan sekalipun, ia mesti diusulkan kepada penduduk untuk mendapat maklum balas dan persetujuan mereka.

"Antara aspek perlu dijelaskan kepada penduduk adalah berhubung kecerunan kawasan pembinaan supaya mereka dapat maklumat lebih lengkap mengenai projek itu," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, EIA penting bagi

mengenalpasti dan menghuraikan kebaikan dan keburukan sesuatu cadangan projek pembangunan.

"Kajian ini perlu ada hubungan komunikasi antara pihak berkepentingan iaitu masyarakat setempat, pemaju dan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Mengenai projek itu di kawasan hijau, Amlir berkata ia akan memberikan kesan jangka panjang seperti banjir kilat dan tanah runtuh kerana menjelaskan kawasan tahanan air.

Katanya, ia juga boleh menyebabkan keadaan tanah di kawasan berkenaan tidak stabil kerana pokok ditebang dan tapak diratakan.

"Kita perlu terus pelihara kawasan hijau seperti ini yang menjadi aset penting kepada Selangor," katanya.


 Antara aspek perlu dijelaskan kepada penduduk adalah berhubung kecerunan kawasan pembinaan supaya mereka dapat maklumat lebih lengkap mengenai projek itu"

Amlir Ayat,
 Pakar Alam Sekitar



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Usah laksana projek bercanggah RT

➔ PBT digesa laksana kajian jika terdapat bantahan daripada penduduk

**Oleh Ahmad Johari,
 Mohd Ali, Faris Fuad dan
 Mohd Zulkifli Zainuddin**

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jangan lulus cadangan projek yang bercanggah dengan Rancangan Tempatan (RT).

Itu ingatan Sahabat Alam Malaysia (SAM) kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengelak konflik di antara penduduk dengan pemaju projek.

Merujuk kepada bantahan penduduk Taman Cuepacs (Fasa 1), Cheras, ke atas projek pembinaan banglo di kawasan bukit yang curam, SAM menegaskan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) selaku PBT perlu merujuk kepada RT sebelum meluluskan projek berkenaan.

Pegawai Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata mengikut RT, PBT perlu mengadakan sesi serantau dan penyatuaw awam bagi membolehkan penduduk mengemukakan pandangan dan bantahan terhadap sesuatu cadangan pembangunan.

Kaji berdasarkan garis panduan
 Katanya, jika ada bantahan, PBT perlu mengkaji sama ada berasas atau sebaliknya berdasarkan garis panduan bagi kawasan pembangunan berkenaan.

“Setiap PBT ada RT yang diluluskan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Jika projek di kawasan itu tidak menelepati garis panduan, PBT tidak boleh sewenang-wenangnya membuat pembangunan.

“Dalam kes pembangunan Taman Cuepacs (Fasa 1), mungkin PBT tidak membuat perbincangan dengan penduduk sehingga menyebabkan konflik berkenaan,” ka-

tanya kepada BH.

Semalam *Halaman Kota BH* menyiaran kira-kira 200 penduduk Taman Cuepacs (Fasa 1) membantah projek pembinaan lapan banglo di kawasan berbukit kerana bimbang menjelaskan keselamatan mereka.

Pembangunan berhampiran penempatan mereka itu didakwa dilaksanakan di kawasan berbahaya yang mempunyai lebih daripada 50 darjah kecerunan yang mendaharkan risiko keselamatan kepada penduduk.

Apa yang turut membimbangkan penduduk ialah cerun berkenaan terletak kurang dari rumah yang paling hampir dengan projek itu.

Elak risiko kepada penduduk sekitar

Meor Razak berkata, garis panduan pembangunan di kawasan bukit sangat penting untuk dirujuk supaya tidak mengundang risiko kepada penduduk sekitar.

“Tambah pula cuaca di ibu negara tidak menentu, menyebabkan pelbagai risiko boleh berlaku,” katanya.

Beliau berkata, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dusun Tua, Razaly Hassan dan Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat, perlu lebih agresif jika mereka mahu bantu penduduk.

“Jangan sekadar mahu mengaburi mata penduduk dengan mengadakan perhimpunan aman tapi tiada tindakan susulan. Kalau mahu bantu, mereka sendiri boleh buat satu memorandum di bawah kapasiti sebagai ADUN atau Ahli Parlimen,” katanya.



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Rancangan Tempatan (RT)

→ RT adalah dokumen rasmi yang mentafsirkan dasar dan cadangan umum yang terkandung di dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan praktikal.

→ **Fungsi RT**
 → **Menterjemahkan** dasar RSN
 → **Sebagai** panduan pembangunan fizikal bagi daerah dan PBT melalui peta cadangan guna tanah
 → **Menyediakan** garis panduan



bagi kawasan pembangunan
 → **Mengenal pasti** projek utama daerah
 → **Menyediakan** garis panduan pelaksanaan



Jika projek di kawasan itu tidak menepati garis panduan, PBT tidak boleh sewenang-wenangnya membuat pembangunan”

**Meor Razak Meor
 Abdul Rahman,**
 Pegawai Lapangan Sahabat
 Alam Malaysia

Headline	Selangor terdesak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	59	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 12,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,764



Selangor terdesak

■ **Reputasi makin tercalar,
fokus cabaran Piala Malaysia**

Aziman Rosdi

aziman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selangor yang kini ber-depan prospek mere-kod pencapaian Liga Super paling buruk sejak 2012 kini mengharapkan ke-juaraan Piala Malaysia untuk menyelamatkan kempen mereka musim ini.

Selepas hanya menduduki tempat keempat dengan baki dua perlawanan liga, Selangor bukan saja gagal me-ngulangi pencapaian muncul naib juara tiga tahun ber-turut-turut malah mungkin posisi skuad kendalian K Gunalan itu boleh dipintas pa-sukan di belakangnya T-Team dan Kelantan.

Kekalahan terbaru kepada pasukan di tangga tercorot Pahang 0-1 Sabtu lalu tidak muh terus menghantui Red Giants yang akan bertemu PKNS pada suku akhir kedua Piala Malaysia, Sabtu ini di Stadium Shah Alam.

“Apa yang berlaku tidak seperti diharapkan kerana masalah kecederaan pemain. Anda boleh lihat jadual padat, tapi bukan saja untuk kami tapi semua pasukan.

“Menamatkan tempat ketiga dan keempat bukan bagus untuk kami kerana bagi Selangor kami sepatutnya berada di tempat pertama atau kedua atau ketiga. Kami ada perlawanan penting su-

ku akhir Piala Malaysia jadi kami kena fokus perlawanan dengan PKNS,” kata Gunalan yang kini bertindak sebagai jurulatih sementara.

Selangor selaku juara ber-tahan selepas menjulang trofi Piala Malaysia ke-33 memi-iliki sedikit kelebihan ke atas kelab Liga Perdana itu se-lepas menang 4-3 pada suku akhir pertama.

Bagaimanapun apa yang mencetuskan keimbangan Gunalan adalah status dua pemain import Mauro Olivi dan Patrick Ronaldinho yang mengalami kecederaan

hingga terpaksa direhatkan ketika menentang Pahang.

“Untuk bermain dengan PKNS, kami kena bermain lebih baik kerana PKNS pa-sukan yang bagus. Mereka menduduki tempat kedua dalam Liga Perdana, mereka bersemangat tinggi, saya ke-na buat rombakan.

“Saya harap Mauro dan Pa-trick dapat kembali untuk membantu pasukan mencapai sesuatu sekurang-ku-rangnya Piala Malaysia, kami masih ada satu lagi piala un-tuk dikejar jadi kena berikan yang terbaik,” katanya.

“Menamatkan tempat ketiga dan keempat bukan bagus untuk kami kerana bagi Selangor kami sepatutnya berada di tempat pertama atau kedua atau ketiga

K Gunalan

Headline	Selangor terdesak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	59	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 12,921
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,764



PEMAIN Selangor tergamam selepas penyerang Pahang Pablo Vranjican (kanan) menjaringkan gol kemenangan Tok Gajah, Sabtu lalu.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	6	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Misi tarik pelabur tumpu lima sektor		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Black/white
Date	13 Sep 2016	Circulation	1,270,667
Section	Bisnes	Readership	3,812,000
Page No	43	ArticleSize	117 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 2,700
Journalist	N/A	PR Value	RM 8,100
Frequency	Daily		



Misi tarik pelabur tumpu lima sektor

Shah Alam: Invest Selangor Berhad (Invest Selangor), agensi promosi pelaburan negeri Selangor mengadakan misi perdagangan di Jakarta, baru-baru ini bertujuan menarik kerjasama pelaburan daripada pelabur Indonesia dalam lima sektor pertumbuhan teras.

Lima sektor pertumbuhan tinggi itu adalah elektrik dan elektronik, kelengkapan pengangkutan, sains hayat, makanan dan minuman, jentera dan peralatan sebagai pemacu pelaburan masa depan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonominya.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Hasan Azhari Idris berkata, walaupun hubungan baik antara Indonesia dan Malaysia, pelaburan Indonesia di Selangor masih lagi rendah.

"Misi perdagangan ini bertujuan mempromosikan peluang pelaburan di Selangor khususnya dalam kalanjan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Indonesia," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, sejak 1987, kira-kira 36 projek pembuatan dari Indonesia diluluskan di Selangor dengan

jumlah pelaburan RM408.35 juta, mewujudkan 4,259 peluang pekerjaan dengan kebanyakan daripada pelaburan ini adalah dalam pembuatan makanan, minuman dan kosmetik.

"Saya ingin menggalakkan PKS Indonesia melabur di negeri ini kerana Selangor menyediakan pengecualian cukai insentif sehingga lima tahun dalam lima sektor berkenaan," katanya.

Antara aktiviti diadakan ketika misi perdagangan itu adalah satu seminar di SMESCO (Lembaga Layanan Pemasaran Koperasi dan

Usaha Kecil Menengah) yang dihadiri 200 usahawan Indonesia, sesi dialog dengan usahawan dari KADIN (Kamar Dagang dan Industri Indonesia) dan mesyuarat dengan Pengarah Kementerian Koperasi & Usaha Kecil Menengah (KUKM Indonesia).

Misi perdagangan itu turut menggalakkan pelabur Indonesia mengambil bahagian dalam Ekspo Antarabangsa Selangor yang kedua, dijadualkan pada 20 hingga 22 Oktober tahun ini di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Mines (MIECC) di Seri Kembangan.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Invest Selangor Berhad (Invest Selangor Berhad)	3	0	RM 0
Invest Selangor Berhad (Selangor International Expo)	9	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah mengaminkan doa di Masjid Al Aisyah, Jalan Padang Matsirat, Langkawi.



TUNKU Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berangkat untuk menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Pasir Pelangi, Johor Bahru.



ORANG ramai menziarahi pusara ahli keluarga sempena Aidiladha di Tanah Perkuburan Islam Bukit Aliff, Johor Bahru.



TENGKU Permaisuri
Selangor, Datin Paduka
Seri Norashikin Abd Rahman
bersalaman dengan orang
ramai selepas menuaikan
solat sunat Aidiladha di Masjid
Tengku Ampuan Jemaah Bukit
Jelutong, Shah Alam.





SEDERHANA TAPI MERIAH

■ 13,000 umat Islam termasuk warga asing penuhi Masjid Negara menuaikan solat sunat Aidiladha



SEBANYAK 120 lembu disembelih pada Majlis Korban Perdana Putrajaya di Presint 9.

Kuala Lumpur

Umat Islam di seluruh negara semalam menyambut Aidiladha dalam kesederhanaan namun meriah dengan penuh rasa kesyukuran serta semangat pengorbanan.

Cuaca baik di kebanyakan tempat pada sebelah pagi membolehkan umat Islam menunaikan solat sunat hari raya berjemaah diikuti ibadah korban, yang menjadi keistimewaan Aidiladha secara bermotif royyong di masjid, surau, kampung dan kawasan perumahan.

Masjid Negara dipenuhi kira-kira 13,000 umat Islam termasuk warga asing memenuhi ruang untuk menunaikan solat hari raya dan mendengar khutbah yang disampaikan Imam Besar Masjid Negara Tan Sri Syaikh Ismail Muhammed.

Syaikh Ismail dalam khutbah Aidiladha bertajuk 'Erti Sebuah Pengorbanan' menyuruh umat Islam untuk sentiasa meningkatkan ketatawan kepada Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

"Saya sentiasa mengingatkan diri sendiri untuk tingkatkan ketakwaan kepada Allah dan umat Islam juga harus lakukan perkara yang sama bagi mendapati keredaan-Nya," katanya ketika menyampaikan khutbah Aidiladha.

Syaikh Ismail juga turut memuji tindakan Nabi Ibrahim yang menzahirkan sifat cinta beliau terhadap pencipta-Nya.

"Ganjaran Allah SWT kepada Nabi Ibrahim tiada bandingnya atas segala pengor-

banan beliau kepada Allah kerana sifat taatnya," tambahnya.

Syaikh Ismail kemudian mengakhiri khutbah dengan memberi peringatan kepada umat Islam supaya tidak terbabit dengan mana-mana militan pengganas.

"Kumpulan Daish bukannya suatu cara untuk perjuangkan agama Islam kerana ia tidak berlandaskan ajaran Islam sebenar," katanya.

Di LANGKAWI, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Aishah, Kampung Sungai Menghulu di sini.

Keberangkatan tiba baginda ber dua kira-kira 8.30 pagi di sambut Pegawai Daerah dan Tanah Langkawi, Isahak Murat, Anggota Dewan Undangan Negeri Langkawi, Nor Saidi Nanyan, pegawai kanan kerajaan dan masyarakat setempat.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas hadir bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff di Masjid Negeri di Jalan Air Itam menunaikan solat sunat Aidiladha. Sebanyak 11 ekor lembu dan empat ekor kambing sumbangan Lembutaga Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang, jemaah masjid negeri dan penduduk sekitar dikorbankan.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Mohd Khalil Yacob bersama barisan exco dan pegawai kanan kerajaan negeri menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Azim, Bukit Palah di sini bersama ribuan umat Islam.

Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron, yang kini sedang menunaikan ibadah haji, dalam kenyataan mengingatkan kepada semua bahawa ibadah korban menutur setiap umat Islam melakukan pengorbanan dengan ikhlas tanpa agenda tersendiri.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 4,000 umat Islam di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, di sini yang diimamkan Imam Masjid Sultan Salahudin Abdul Karim Al-Fattani.

Sebanyak 22 ekor lembu dikorbankan di masjid itu tahun ini.

Di SEREMBAN seramai 2,000 umat Islam menghadiri solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri di sini, yang diimamkan Pemangku Imam Besar Masjid Negeri Mohd Nizdar Nor Mohamad.

Di JOHOR BAHRU, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 2,500 rakyat di Masjid Pasir Pelangi di sini.

Di KUANTAN, ribuan umat Islam membantai Masjid Negeri Sultan Haji Ahmad I di sini untuk menunaikan solat sunat Aidiladha yang diimamkan Mohd Khalil Mohd Zari Al-Hafiz.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin bersama isteri, Toh Puan Norlida RM Jasni menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 4,000 umat Islam di Masjid Negeri di sini.

Di SARAWAK, sambutan Hari Raya Aidiladha disambut meriah dengan solat sunat hari raya diadakan di hampir semua masjid utama. - BER-NAMA

FAKTA

Khutbah Aidiladha bertajuk 'Erti Sebuah Pengorbanan'

13 Sep 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 1 • Printed Size: 163.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,221.58
PR value: MYR 9,664.74 • Item ID: MY0027009133

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Penampilan pertama Tengku Permaisuri Norashikin



JADI TUMPUAN... Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Tengku Permaisuri Norashikin berangkat menuaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor, semalam.

- BERNAMA



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Tengku Permaisuri Norashikin jadi tumpuan

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN

pengarang@utusan.com

■ SHAH ALAM 12 SEPT.

PENAMPILAN sulung Tengku Permaisuri Selangor, Norashikin Abdul Rahman di khala-yak ramai selepas dimasyurkan pada 8 September lalu di Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, di sini untuk menuaikan solat sunat Aidiladha mencuri tumpuan jemaah yang hadir.

Tengku Permaisuri Norashikin yang tiba bersama Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di masjid berkenaan kira-kira pukul 8.20 pagi kelihatan anggun dengan jubah dan selendang berwarna hitam.

Wajahnya yang sentiasa menguntum senyuman membuatkan ramai yang tidak melepaskan peluang merakamkan gambarinya.

Sementara itu, kira-kira 4,000 jemaah menuaikan solat sunat Aidiladha di masjid tersebut yang diimamkan oleh Imam Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sheikh Abdul Karim Omar.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya dan Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd. Tamyes Abdul Wahid.

Jumaat lalu, Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais mengumumkan pemasyuran gelaran Norashikin sebagai Tengku Permaisuri Selangor berkuat kuasa 8 September lalu setelah mendapat perkenan Sultan Sharafuddin.

Selain pemasyuran gelaran Tengku Permaisuri Selangor, baginda turut berkenan mengurnikan anugerah Darjah Kebesaran

Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datin Paduka Seri kepada Tengku Permaisuri Norashikin.

Pada 31 Ogos lalu, Sultan Sharafuddin, 71, melangsungkan pernikahan dengan Tengku Permaisuri Norashikin, 45, dalam satu majlis yang diadakan secara ringkas dan sederhana di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH dan Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menghadiri santapan selepas menuaikan solat sunat Aidiladha bersama rakyat di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Selangor, semalam. - BERNAMA



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

**LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA**

PENGUAT kuasa
Pejabat Kesihatan
Daerah Klang
melakukan
semburan asap di
sekitar kawasan
perumahan
mangsa
pertama
dijangkiti virus
zika di Bandar
Botanic Klang,
Selangor,
baru-baru ini.

► PERANGKAP
nyamuk yang
dipasang di
setiap kediaman
berhampiran diperiksa
oleh pegawai
kesihatan dalam usaha
pencegahan penularan
zika.

Zika bawa hikmah kepada penduduk Klang

MUKADIMAH MANGSA pertama virus zika di negara ini, seorang wanita yang tinggal di Ambang Botanic, Klang ternyata mencetuskan kerisauan terhadap penduduk di daerah berkenaan.

Meskipun zika sama bahayanya dengan demam denggi, namun selama ini masyarakat seolah-olah tidak ambil tahu mengenai wabak yang dibawa oleh nyamuk Aedes itu.

Melihat kepada sikap sedermikian, Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK), **ADI FAIZAL AHMAD**

TARMIZI menyifatkan wabak tersebut sebenarnya membawa hikmah kerana masyarakat mula mahu ambil peduli tentang kebersihan, tidak seperti sebelum ini.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*,

ZABRY MOHAMAD MADZLAN, beliau berkongsi peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut dalam memerangi virus zika.



7 SOALAN ?

BAGAIMANA tahap kesedaran masyarakat terhadap zika sebelum dan selepas mangsa pertama dikesan?

ADI FAIZAL AHMAD TARMIZI:

Apabila ada kes pertama virus zika, secara tiba-tiba orang ramai mula ambil tahu tentang persekitaran mereka terutama aspek kebersihan walhal tahap bahaya dengan lebih tinggi.

Apa tindakan MPK bagi membendung penularan virus zika?

Pertama, pemeriksaan di dalam dan di luar rumah penduduk bagi mengesan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes yang kemudian kita hapusnya. Kita sebenarnya memerangi nyamuk aedes untuk membendung penularan virus zika.

Kedua, kita memberi kesedaran kepada orang ramai melalui hebatan media bahawa kita perlu menghapuskan Aedes daripada membiak kerana nyamuk tersebut boleh menyebarkan virus zika.

Ketiga, kita menganjurkan kempen pendidikan kesihatan dan aktiviti kemasyarakatan melalui pameran, ceramah, gotong-royong, dan edaran risalah. Ini sebenarnya kita buat dari dahulu lagi.

Apa cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MPK?

Di Klang terdapat banyak rumah kosong, tidak berpenghuni. Ini menyukarkan kami membuat pemeriksaan dan memusnahkan tempat pembiakan aedes. Namun, kita lakukan juga kerja-kerja pengasapan di sekeliling premis terbitit.

Kedua, kurang kerjasama dari pada penduduk ketika membuat pemeriksaan. Apabila kita datang, pintu dan tingkap bertutup tetapi kipas terpasang. Jadi, MPK meninggalkan notis serta risalah bagi memaklumkan rumah terbitit belum diperiksa.

Ketiga dan paling mencabar adalah nyamuk aedes boleh membiak di sudut yang sukar dikesan, asalkan ada air bersih bertakung. Kita amat memerlukan kerjasama penduduk supaya membersihkan kawasan dalam dan luar rumah

masing-masing.

Bagaimana kerjasama daripada penduduk?

Alhamdulillah, semakin baik berbanding dua, tiga bulan lalu. Namun, masih ada kawasan yang saya tidak nafikan kurang mahu memberikan kerjasama. Selalunya kalau kita turun, penduduk menganggap kita nak cari salah mereka, padahal kita mahu memberikan kesedaran.

Apa perubahan ketara sikap penduduk dan persekitaran tempat tinggal mereka sekarang?

Penduduk nampaknya semakin peka terhadap persekitaran. Kalau dahulu ada yang tidak kisah kalau kawasan rumah ditumbuhilalang, banyak tempat takungan air tetapi sekarang mereka mula sedar dan menjaga kebersihan.

Bagaimanapun, di kawasan-kawasan yang majoriti penduduknya berpendapatan rendah, kita berikan lebih tumpuan kerana tahap kesedaran mereka agak rendah. Turut diberikan tumpuan adalah premis awam, tapak pembinaan, pasar dan premis perniagaan.

Perancangan MPK selepas ini?

Beberapa tindakan akan dilaksanakan antaranya, kita tumpukan kepada kawasan seperti taman rekreasi, pusat beli-belah, sekolah dan tapak pembinaan terbengkalai.

Pada masa sama, kita akan ceramah untuk kontraktor pembersihan bagi menyedarkan mereka mengenai skop kerja yang boleh diperbaiki.

Kita juga menubuhkan Skuad Antidenggi di bawah Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) dengan kerjasama badan pengurusan bersama (JMB) di taman-taman perumahan terutama pangaspuri.

Taklimat denggi juga diberikan kepada pemaju dan syarikat pembinaan selain pendedahar kepada

masyarakat tentang program kitar semula.

Tindakan kawalan biologi juga diambil iaitu melepaskan ikan gupi dalam takungan air bersih supaya memakan jentik-jentik.

Selain edara risalah di tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar malam, pasar pagi, MPK bersama PBT lain di seluruh Selangor terlibat dalam Ops Mega Denggi Zika Bersepadu dari 13 September sehingga 12 Oktober depan.

Apa nasihat kepada orang ramai?

Saya menyeru kepada semua pihak sama ada individu, keluarga dan masyarakat khususnya di daerah Klang supaya memberikan komitmen terbaik dan sehabis mungkin bagi memerangi virus zika dan denggi. Kalau tindakan hanya datang dari satu pihak iaitu agensi kerajaan, ia tidak cukup sebaliknya perlu sokongan semua.

Paling penting, kita perlu jaga dalaman kediaman kita sendiri terutama dari aspek kebersihan, hapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk.

Kalau ada simptom-simptom demam, ruam, sakit sendi, sakit kepala, perlilah ke klinik bagi mendapatkan rawatan awal. Pencegahan awal adalah lebih baik.



Kita juga menubuhkan Skuad Antidenggi di bawah Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) dengan kerjasama badan pengurusan bersama (JMB) di taman-taman perumahan terutama pangaspuri.




Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

APA ITU VIRUS ZIKA?


- Disebarlu kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes iaitu vektor yang sama bagi demam denggi.
- Wabak ini bermula di Brazil dan kini tersebar di kebanyakan negara di rantau Amerika Selatan dan Asia Tenggara.



RAWATAN

- Tiada ubat khusus atau vaksin mencegah jangkitan.
- Rawatan yang diberikan adalah untuk mengurangkan gejala yang dialami pesakit.
- Pesakit dinasihatkan mengehadkan pergerakan dan duduk di rumah, rehat secukupnya, banyakkan minum air, patuh nasihat doktor.

TANDA DAN GEJALA



LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

- Elakkkan daripada gigitan nyamuk dengan memakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah
- Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.
- Gunakan penghalau nyamuk serta tidur dalam kelambu.
- Elakkkan daripada melakukan aktiviti luar pada waktu puncak nyamuk Aedes menggigit, iaitu pulak 5 hingga 7 pagi dan 5 hingga 7 petang.

Headline	Aidiladha disambut meriah		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	13 Sep 2016	Circulation	197,202
Section	Negara	Readership	875,000
Page No	16	ArticleSize	519 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,469
Journalist	N/A	PR Value	RM 40,407
Frequency	Daily		



Jutaan umat Islam di seluruh negara menunaikan solat sunat raya diikuti ibadah korban

Aidiladha disambut meriah

KUALA LUMPUR – Hari Raya Aidiladha disambut meriah oleh jutaan umat Islam di seluruh negara semalam.

Walaupun hujan pada sebelah pagi di beberapa lokasi terutamanya di Lembah Klang, namun ia tidak menghalang umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha dan diikuti ibadah korban.

Masjid Negara dipenuhi kira-kira 13,000 umat Islam termasuk warga asing yang memenuhi ruang solat untuk menunaikan solat sunat hari raya dan mendengar khutbah yang disampaikan Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad.

Syaikh Ismail dalam khutbah Aidiladha bercakap *Erti Sebuah Pengorbanan* menyuruh umat Islam untuk sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah.



SYAIKH ISMAIL mengimamkan solat sunat Aidiladha yang dihadiri lebih 13,000 umat Islam di Masjid Negara Kuala Lumpur semalam.

Di Kedah, Tunku Te-menggong Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Al-marhum Sultan Badlishah serta isteri, Toh Puan Temenggong Datuk Seri Tengku Malia Tengku Ariff berkenan berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 2,000 jemaah di Masjid Zahir, Alor Setar.

Di Pulau Pinang, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas hadir bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff di Masjid Negeri di Jalan Air Itam bagi menunaikan solat sunat Aidiladha.

Kira-kira 3,000 umat Islam Pulau Pinang menu-naikean solat sunat serta

mendengar khutbah bersama Abdul Rahman sebelum majlis korban diadakan di pekarangan masjid.

Di Selangor, sebanyak 22 ekor lembu dikorbankan di pekarangan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam semalam.

Di Johor, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha bersama kira-kira 2,500 rakyat di Masjid Pasir Pelangi.

Di Pahang, ribuan umat Islam membantiri Masjid Negeri Sultan Haji Ahmad I di Kuantan untuk menunaikan solat sunat Aidiladha yang diimamkan Mohd. Khalil Mohd. Zari Al-Hafiz.

Di Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faiz Petra berkenan menunaikan solat sunat Aidiladha bersama lebih 5,000 jemaah di Masjid Muhammadi di Kota Bharu.



PETUGAS program ibadah korban menumbangkan seekor lembu pada majlis korban perdana bersama mualaf di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur semalam.



PENDUDUK di Taman PKNK bergotong-royong menimbang daging korban untuk diagihkan kepada fakir miskin di Masjid At-Taqwa di Alor Setar semalam.



BEBERAPA petugas cuba menjatuhkan seekor lembu untuk disembelih di Kampung Permatang Badak, Kuantan semalam.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



SULTAN SHARAFUDDIN bersama Tengku Permaisuri Norashikin (kiri) berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam semalam.

Tengku Permaisuri Selangor curi perhatian

